

UNTUK SIARAN SEGERA

Sime Darby Property Kekal Meningkatkan Standard untuk Hartanah Mampan dengan Pengiktirafan Antarabangsa

- Cantara Residences di Ara Damansara merupakan salah satu daripada 10 pembangunan di Selangor yang menerima penarafan Emas oleh GBI bagi kategori ‘*Residential New Construction*’;
- Elmina Central Park, permata mahkota perbandaran Bandar Elmina, mencapai status arboretum ArbNet pada Tahap II.

ARA DAMANSARA, 26 SEPTEMBER 2023 – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) terus meningkatkan taraf harta mampan dengan dua pengiktirafan utama di peringkat antarabangsa.

Cantara Residences milik Syarikat menerima taraf Emas bagi kategori ‘*Residential New Construction*’ daripada Panel Akreditasi *Green Building Index* (“GBI”). GBI merupakan sistem penarafan komprehensif pertama Malaysia yang diiktiraf di peringkat global dan ditaksir mengikut piawaian global seperti *World Green Building Council* (“WGBC”).

Inisiatif mampan Syarikat terus berkembang dengan Elmina Central Park di Bandar Elmina yang diiktiraf sebagai arboretum antarabangsa seperti yang disahkan oleh Program Akreditasi Arboretum ArbNet dan *The Morton Arboretum*. Taman seluas 300 ekar itu telah diakui sebagai ‘arboretum Tahap II’ dengan kewujudan minimum 100 spesis tumbuhan berkayu dan menyediakan perkhidmatan berguna kepada orang ramai menerusi pelbagai inisiatif pendidikan dan kesedaran.

Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato’ Azmir Merican berkata pengiktirafan yang dicapai ini membuktikan komitmen Syarikat dalam menurut piawaian kemampanan yang tinggi.

“Komitmen Sime Darby Property terhadap kemampanan telah menyokong matlamat kami untuk menjadi sebuah pemaju harta mampan terkemuka negara. Kami kekal teguh untuk memacu langkah progresif dan lantang dalam mengekalkan kemampanan sebagai teras harta mampan,” kata Dato’ Azmir.

Akreditasi-akreditasi ini menambah lagi kepada kejayaan Cantara Residences dan Bandar Elmina. Cantara Residences, kediaman yang berorientasi keluarga di perbandaran terkemuka Ara Damansara telah mencapai Anugerah Perak Dunia bagi kategori kediaman bertingkat sederhana rendah (‘*Residential Mid-Rise*’) di FIABCI World Prix d’Excellence Awards 2023, di mana Bandar Elmina juga turut dinobatkan sebagai Anugerah Emas Dunia dalam kategori Pelan Induk (‘*Masterplan*’).

“Sejajar dengan matlamat kami sebagai *Force for Good*, Sime Darby Property terus menekankan kemampunan sebagai ciri utama dalam setiap perkara yang kami lakukan. Kami juga bekerjasama dengan rakan kongsi yang mempunyai kepakaran yang tepat untuk menjaga dan memulihara alam sekitar, bermula dari pembangunan kami sendiri,” kata Dato’ Azmir.

Sime Darby Property sedang merubah daripada sebuah pemaju harta tanah *pure-play* kepada sebuah syarikat harta tanah dengan tumpuan sebagai pemaju utama, pembina komuniti serta pengurus pelaburan dan aset menjelang 2025. Selaras dengan Matlamat Syarikat sebagai Pengganda Nilai kepada Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi dan Planet, usaha Sime Darby Property melangkaui pembangunan harta tanah dan menitikberatkan komuniti yang mampan untuk generasi akan datang.

-TAMAT SIARAN-

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Sime Darby Property adalah pemaju harta tanah terkemuka dengan reputasi cemerlang dalam membangunkan komuniti lestari selama 50 tahun. Syarikat mempunyai 24 perbandaran dan pembangunan yang aktif, serta jangkauan yang luas merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property juga mempunyai operasi di UK melalui penglibatannya dalam konsortium Malaysia dalam projek pembangunan Battersea Power Station di London.

Sebagai syarikat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property, bersama Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai program untuk membantu pihak berkepentingan yang memerlukan di kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat harta tanah yang cemerlang di peringkat antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property diiktiraf sebagai konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sime Darby Property berbangga dikenali sebagai pemenang pelbagai anugerah dalam industri harta tanah. Pada tahun 2021, Syarikat terus diiktiraf sebagai pemaju harta tanah terkemuka untuk kali kesepuluh berturut-turut dalam anugerah ‘The Edge Malaysia’s Top Property Developers Awards’. Sime Darby Property juga telah dinobat sebagai ‘EdgeProp Malaysia’s Responsible Developer: Building Sustainable Development Award 2021’, serta pemenang bagi anugerah ‘Building Trust Awards 2021’ PwC di bawah kategori indeks FBM Mid 70.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarbyproperty.com
Kontak Media: Adela Megan Willy | +6017-604 5562 | adela.megan@simedarbyproperty.com
Untuk pertanyaan lanjut, sila emel: group.communications@simedarbyproperty.com